

REPARIL® GEL N

Aescin, Diethylamine salicylate (lg/5g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Reparil Gel N*
2. Bagaimana *Reparil Gel N* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Reparil Gel N*
4. Cara menggunakan *Reparil Gel N*
5. Semasa menggunakan *Reparil Gel N*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Reparil Gel N*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Reparil Gel N*

Reparil Gel N digunakan untuk untuk merawat seliuh, lebam, cedera remuk, dan pembengkakan tendon (tendonitis). Ia boleh digunakan untuk merawat sakit leher dan sakit belakang (lumbago atau sciatica). *Reparil Gel N* juga boleh digunakan untuk merawat pembengkakan atau kecederaan vena dan vena varikos.

Bagaimana *Reparil Gel N* berfungsi

Reparil-Gel N mengandungi *aescin* dan *diethylamine salicylate* yang mengurangkan keradangan. *Aescin* juga menangani masalah aliran darah.

Sebelum menggunakan *Reparil Gel N*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan ambil ubat ini:

- Jika anda alah kepada *salicylates* dan/atau *aescin*, atau mana-mana bahan dalam *Reparil Gel N*.

- Pada kulit pecah-pecah, membran mukus atau kawasan kulit yang terdedah kepada radioterapi.
- Jika anda hamil atau sedang menyusukan bayi.

Ubat ini tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

- *Sebelum menggunakannya*
Produk ini untuk kegunaan luaran sahaja. Jangan menggunakan pada luka atau kulit yang rosak.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Bagi pesakit yang mengambil *warfarin*, penggunaan berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan risiko pendarahan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain.

Cara menggunakan *Reparil Gel N*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Sapu lapisan nipis atas kulit pada kawasan yang terjejas sekali sehari atau lebih kerap. Tidak perlu menggosok gel atas kulit.

- *Bila perlu digunakan*

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Terus menggunakan *Reparil Gel N* untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda

- *Jika terlupa menggunakan*
Jika anda lupa menggunakan ubat ini, gunakan sebakik sahaja anda mengingati. Kemudian

teruskan menggunakannya pada masa biasa anda

- *Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)*

Adalah dinasihatkan untuk memaklumkan kepada doktor jika anda menggunakan terlalu banyak *Reparil Gel N*.

Semasa menggunakan *Reparil Gel N*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor anda tentang semua ubat yang anda ambil.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Elakkan gel ini daripada kena mata.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Reparil Gel N mengandungi haruman *lavender oil* dan *neroli oil/bitter orange flower oil* dengan *d-limonene*, *farnesol* dan *linalool*. Bahan-bahan ini boleh menyebabkan reaksi alahan.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya masalah anda menjadi lebih teruk atau tidak pulih.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, *Reparil Gel N* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Reparil Gel N boleh menyebabkan kerengsaan kulit, kemerahan atau pembengkakan, rasa pedih atau terbakar.

Pusing dan mual mungkin berlaku pada kes-kes yang jarang.

REPARIL® GEL N

Aescin, Diethylamine salicylate (lg/5g)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Reparil® Gel N*

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Gel telus, berwarna pudar hingga kekuningan dengan bau aroma.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Aescin, Diethylamine salicylate

- Bahan tidak aktif

Disodium Edetate, Lavender Oil, 2- Propanol, Macrogol 6 Glycerol Caprylocaprate, Trometamol, Carbomers, Citrus Aurantium Amara (Bitter Orange) Oil (Flower), Purified Water

- Nombor MAL:

MAL06030857XR

Pengilang

Madaus GmbH
Lütticher Straße 5,
53842 Troisdorf, Germany

Pemegang

Pendaftaran

Produk

Mylan Healthcare Sdn. Bhd.
15-03 & 15-04, Level 15,
Imazium, No. 8, Jalan SS 21/37,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230207/1007